

98 negara sahkan sertai Persidangan Koperasi Global

BENTONG 8 NOV. - Sektor koperasi negara terus mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila kira-kira 98 buah negara mengesahkan kehadiran ke Persidangan Koperasi Global yang berlangsung selama seminggu di negara ini bermula 13 November ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, persidangan itu buat julung kali turut mengadakan karnival produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia yang disasarkan menjana transaksi sebanyak RM200 juta.

"Kita bertuah kerana dipilih sebagai tuan rumah buat julung kali dalam persidangan peringkat dunia yang diadakan sejak 1895 sekali gus menunjukkan pengiktirafan dunia terhadap perkembangan sektor koperasi di Malaysia."

"Kita juga berbangga kerana bukan sahaja menjadi negara Islam kedua menjadi tuan rumah selepas Turki pada 2015, tetapi penyertaan kali ini lebih tinggi," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan bangunan Infaq Lil-Waqaf Angkasa di Dataran Masjid Sultan Haji Ahmad Shah di



Kita bertuah kerana dipilih sebagai tuan rumah buat julung kali dalam persidangan peringkat dunia yang diadakan sejak 1895 sekali gus menunjukkan pengiktirafan dunia terhadap perkembangan sektor koperasi di Malaysia."

ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden Angkasa

sini semalam.

Yang hadir sama Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Syariah dan Pembangunan Angkasa, Azhar Hamzah; Pegawai Agama Islam daerah, Rasmawi Harun; Pengerusi Koperasi Kariah Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Datuk Abdul Aziz Abdullah dan Imam Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Bentong, Abu Zarghafar Hamzah.

Menurut Abdul Fattah, persidangan yang akan diadakan di Hotel Sunway Resort and Spa itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 14 November ini.

Beliau memberitahu, persidangan dwitahunan itu melibatkan kira-kira 1,700 perwakilan dari seluruh negara termasuk tetamu kenamaan.

"Antara negara yang menyertai persidangan tersebut ialah Amerika Syarikat, China, Jepun, Korea, Itali dan Rusia. Persidangan ini yang mengetengahkan resolusi bagi memperkasa sektor koperasi mempunyai 34 kertas kerja yang akan dibentangkan meliputi pelbagai isu seperti ekonomi, alam sekitar dan politik antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, sempena persidangan berkenaan Malaysia akan membangkitkan isu minyak kelapa sawit yang kononnya didakwa sesetengah pihak tidak selamat dan merosakkan alam sekitar.

"Penjelasan akan dibuat bagi menangani isu ini dan penekanan kepada pentingnya kelapa sawit dalam pembangunan ekonomi negara serta masyarakat setempat," katanya.



ABDUL FATTAH ABDULLAH menandatangani plak sebagai simbolik perasmian bangunan Infaq Lil-Waqaf Angkasa di Dataran Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Bentong, Pahang, semalam. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN